

PT3 Praktis 8: Ayat

Buku Teks: m.s. 135, 151, 163, 177

Bagian A

A. Pilih ayat yang mempunyai maksud yang *sama* atau maksud yang *paling hampir* dengan ayat yang dicetak tebal.



1 "Sampaikan salam saya kepada semua ahli jawatankuasa dan tolong beritahu mereka bahawa saya tidak dapat hadir kerana kurang sihat," kata Puan Leela kepada Cik Nazirah.

A Semua ahli jawatankuasa telah diberitahu oleh Cik Nazirah bahawa Puan Leela berkirim salam dan dia tidak dapat hadir kerana kurang sihat.

B Puan Leela memberitahu Cik Nazirah supaya berkirim salam kepada semua ahli jawatankuasa kerana dia tidak hadir dan meminta mereka menolongnya kerana dia kurang sihat.

C Puan Leela berpesan kepada Cik Nazirah supaya menyampaikan salamnya kepada semua ahli jawatankuasa dan memaklumkan bahawa dia tidak dapat hadir kerana kurang sihat.

D Cik Nazirah meminta Puan Leela menyampaikan salamnya kepada semua ahli jawatankuasa dan memberitahu mereka bahawa dia tidak dapat hadir kerana kurang sihat.

2 Pembangunan negara perlulah mengikut acuan kita sendiri tanpa dipengaruhi oleh kuasa luar.

A Negara kita perlulah dibangunkan mengikut cara kita sendiri tanpa dipengaruhi oleh kuasa asing.

B Acuan kita sendiri perlulah membangun tanpa terpengaruh oleh kuasa luar.

C Pembangunan negara yang dipengaruhi oleh kuasa luar akan dibuat mengikut acuan kita sendiri.

D Kuasa luar akan mempengaruhi pembangunan negara kita mengikut acuan.

3 Pembuangan sisa toksik ke dalam sungai oleh pengusaha-pengusaha kilang yang tidak bertanggungjawab itu dapat memusnahkan pelbagai jenis hidupan.

A Sisa toksik yang dibuang ke dalam sungai dengan penuh tanggungjawab oleh pengusaha-pengusaha kilang dapat mengancam pelbagai jenis hidupan.

B Pengusaha-pengusaha kilang diberi tanggungjawab untuk membuang sisa toksik ke dalam sungai supaya pelbagai jenis hidupan tidak diancam kepupusan.

C Air sungai yang tercemar oleh sisa toksik yang dibuang ke dalam sungai oleh pengusaha-pengusaha kilang yang kurang bertanggungjawab menyebabkan pelbagai jenis hidupan terbiar.

D Pelbagai jenis hidupan musnah akibat daripada pembuangan sisa toksik ke dalam sungai oleh pengusaha-pengusaha kilang yang tidak bertanggungjawab.

4 Amalan berjimat cermat perlu dipupuk dalam kalangan anak-anak kerana banyak mendatangkan faedah.

A Banyak faedahnya jika amalan berjimat cermat masih dipupuk dalam kalangan anak-anak.

B Anak-anak yang banyak mengamalkan jimat cermat akan memperoleh faedah kelak.

C Pemupukan tabiat berjimat cermat yang banyak akan memberikan faedah kepada anak-anak.

D Anak-anak perlu disemaikan amalan berjimat cermat kerana banyak mendatangkan manfaat.